

NO SOALAN :74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 02.08.2017**

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberhasilan pelan penstrukturran Malaysia Airlines (MAS) sejak dimulakan pada 2014 untuk tempoh lima tahun, selepas diberi suntikan dana RM6 bilion. Apakah ia diyakini mampu memulihkan keyakinan dan memperoleh keuntungan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pemulihan MAS

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS

(PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Sejak beroperasi mulai 1 September 2015, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah mencatatkan kemajuan positif selaras dengan hasrat PPM, dimana MAB akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memulihkan prestasi perkhidmatan dan kewangan syarikat.

Prestasi Tempahan dan Muatan Penumpang

Bagi suku pertama tahun 2017, jumlah penumpang meningkat sebanyak 12.9% berbanding suku pertama 2016 kepada 3.57 juta penumpang dengan peningkatan muatan penumpang (*load factor*) kepada 79.4% dibandingkan 68.9% pada tahun 2016. Tempahan ke hadapan (*forward booking*) yang diterima oleh MAB juga meningkat sebanyak 45% untuk tempoh enam bulan dari bulan Jun hingga November 2017 berbanding tempoh yang sama 2016.

Tambahan Laluan Penerbangan Baharu

Sepanjang tahun 2017 hingga 2018, MAB akan menambah 11 laluan penerbangan baharu ke negara China daripada Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu. Antara laluan yang telah dikenal pasti termasuklah Wuhan, Fuzhou dan Chongqing. Selain itu, syarikat baharu yang khas untuk penerbangan haji dan umrah akan beroperasi pada suku ketiga tahun 2018 yang akan beroperasi menggunakan enam buah pesawat A380.

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan Pesawat Baharu

Buat masa kini, MAB beroperasi dengan 54 buah pesawat Boeing 737-800, 15 buah pesawat Airbus A330-300 dan 6 buah pesawat Airbus A380. Pertumbuhan pesat khususnya bagi penerbangan antarabangsa memerlukan tambahan pesawat untuk tahun 2018 dan 2019. MAB bercadang untuk memajak 6 buah pesawat baharu Airbus A350 dan penghantaran pesawat pertama dijangka diterima pada penghujung tahun 2017. Pesawat Airbus A350 ini akan beroperasi bagi laluan KL-London Heathrow bermula pada suku kedua tahun 2018. Selain itu, bagi pembelian 25 buah pesawat Boeing 737 MAX-8, ia dijangka akan diterima secara berperingkat

bermula suku keempat tahun 2019. Pesawat baharu ini dijangka akan dapat menjimatkan kos bahan api dan seterusnya dapat mengurangkan kos operasi MAB.

Berdasarkan komitmen dan fokus ke atas pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif di bawah PPM, MAB akan terus beroperasi dan diyakini akan menunjukkan peningkatan prestasi perkhidmatan yang lebih positif dan dijangka mencatatkan keuntungan menjelang tahun 2018 serta disenaraikan semula di Bursa Malaysia pada tahun 2019.